

Garis panduan baharu guna, kawal hasil hutan

➔ Jadi rujukan kerajaan negeri, kawal aktiviti pembalakan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@NSTP.com.my

■ Putrajaya

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli akan mengeluarkan satu garis panduan dalam masa terdekat bagi menangani kegiatan pembalakan dan pengeluaran hasil hutan tidak terkawal.

Menterinya, Dr Xavier Jayakumar, berkata pihaknya akan mencadangkan pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 bagi

membolehkan garis panduan itu dimasukkan ke dalam akta.

"Kita sedia maklum hal tanah adalah bidang kuasa kerajaan negeri, jadi pemberian kuasa, lesen pembalakan dan sebagainya semua di bawah negeri.

"Tetapi saya sudah minta Jabatan Perhutanan membuat satu garis panduan dalam masa terdekat ini kepada negeri bagaimana hendak menggunakan dan mengeluarkan hasil hutan.

Tiada paksaan

"Garis panduan ini sebagai rujukan kepada kerajaan negeri, (namun) kita tidak boleh paksa kalau kerajaan negeri tidak mahu mengikutinya kerana kita tidak ada kuasa," katanya pada Majlis Kongsi Raya Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, di sini, semalam.

Xavier berkata, garis panduan berkenaan antara lain menyentuh mengenai kawalan bagi pengeluaran hasil hutan termasuk



Dr Xavier Jayakumar

larangan pengeluaran hasil di kawasan sensitif seperti kawasan tадahan air.

"Garis panduan itu juga akan mengambil contoh negeri Selangor yang tidak memberikan kuasa kepada EXCO negeri membuat keputusan, sebaliknya menerusi Jawatankuasa Khas Siasatan Awam iaitu satu badan bebas yang membuat keputusan dalam isu berkaitan tanah dan hasil hutan sebelum membuat pendekaran awam.

"Justeru, kita perlu kerjasama

kerajaan negeri dan Pusat bagi menjayakan garis panduan ini; kalau tidak selama-lamanya kerajaan negeri akan kata ia kuasa mereka untuk tentukan keadaan hutan, hutan mana hendak diwartakan, dan pada akhirnya mereka sewenang-wenangnya melakukan apa sahaja," katanya.

Jejas habitat, kawasan rayau gajah

Baru-baru ini, laporan eksklusif akhbar ini mendedahkan sekurang-kurangnya tiga lokasi di Jalan Jemaluang-Mersing, di Johor dikesan semakin gondol dipercayai akibat kerja pembalakan.

Laporan akhbar ini juga menyebut, kegiatan pembalakan dan penerokaan hutan tidak terkawal mengelincikan kawasan rayau gajah di Johor.

Ini menyebabkan kumpulan hidup liar itu memasuki kampung dan kebun penduduk berhampiran Hutan Simpan Panti, di negeri itu.